

Tinjauan Buku

Sosiologi Seni: Memahami Interaksi Antara Seni dan Masyarakat

Galih Suryadmadja, et. al

Mataram, Nusa Tenggara Barat: PT. Rajawali Media Utama, 2025, 175 halaman.
ISBN 978-967-251-700-9

Buku Sosiologi Seni: Memahami Interaksi Antara Seni dan Masyarakat diterbitkan pada April 2025 oleh PT. Rajawali Media Utama, Mataram Nusa Tenggara Barat oleh pengarang bersama iaitu Galih Suryamadja, Muhammad Fazli Taib Saearani, Taufik Mawardi, I Wayan Kusuma Di Biagi dan Nurtikawati. Hasil nukilan lima pengarang berbeza ini telah menghasilkan enam buah bab yang menarik perhatian dalam topik yang dibincangkan.

Bermula dengan Bab Satu, berjudul Pengantar Sosiologi Seni menampilkan pengenalan yang menyeluruh terhadap bidang sosiologi seni sebagai cabang ilmu sosial yang mengkaji hubungan timbal balik antara seni dan masyarakat. Penulis berupaya menghubungkan dimensi teoretis dengan realiti sosial dan budaya, baik dalam konteks global mahupun nasional. Dari segi struktur, bab ini disusun secara sistematik bermula daripada definisi konseptual, sejarah perkembangan pemikiran, kepentingan kajian, hingga tujuan serta ruang lingkup sosiologi seni. Perbincangan bab ini menunjukkan kesepaduan tematik yang tinggi. Keseluruhan wacana berpaksikan pada satu tesis utama iaitu seni tidak dapat dipisahkan daripada konteks sosialnya. Ini kerana seni berfungsi sebagai cerminan, kritik, dan agen perubahan dalam masyarakat. Susunan sub bab yang berurutan daripada definisi, sejarah, kepentingan, hingga tujuan dan ruang lingkup memperlihatkan kesinambungan logik yang kukuh antara teori, praktik, dan aplikasi. Antara yang dibincangkan ialah konsep sosiologi seni sebagai hubungan timbal balik antara seni dan struktur sosial. Penggunaan teori Pierre Bourdieu (1993) tentang medan produksi budaya menjadi landasan yang kukuh bagi mengukuhkan pemahaman seni sebagai arena pertarungan simbolik antara kelas sosial dan modal budaya. Idea ini menegaskan bahawa nilai seni tidak bersifat mutlak, tetapi terbentuk melalui interaksi sosial dan legitimasi institusi. Bahagian seterusnya pula mengukuhkan kerangka sejarah bidang ini dengan mempamerkan pemikiran tokoh-tokoh klasik seperti Émile Durkheim dan Georg Simmel yang menekankan peranan seni dalam membentuk solidariti sosial dan ekspresi individualiti. Penulis kemudian menghubungkan perkembangan teori kritis Adorno & Horkheimer (1944), feminisme Nochlin (1971), dan pascamodenisme Baudrillard (1981) dengan menunjukkan evolusi pemikiran dari struktur sosial ke persoalan ideologi, gender, dan simulasi realiti. Menerusi sub bab 1.3 dan 1.4, perbincangan diperluas kepada dimensi normatif dan aplikasi dengan menjelaskan kepentingan serta tujuan sosiologi seni dalam membentuk kesedaran sosial dan pembangunan budaya. Penulis juga menyorot pandangan Antonio Gramsci (1971) mengenai seni sebagai alat hegemoni, malah dianggap sebagai ruang perlawanan terhadap ideologi dominan. Bab ini juga memperlihatkan tahap sintesis dengan membincangkan peranan seni dalam pendidikan, kecemerlangan budaya, dan pembangunan masyarakat dengan menunjukkan kesinambungan antara teori, praktik sosial, dan implikasi kontemporari. Pemilihan tokoh seperti Bourdieu, Durkheim, Simmel, Adorno, Gramsci, dan Nochlin menunjukkan

kesedaran penulis terhadap pelbagai tradisi pemikiran dalam sosiologi seni bermula daripada strukturalisme dan teori kritis hinggalah ke teori feminisme dan pasca modenisme. Kekuatan utama bab ini terletak pada kemampuannya menghubungkan teori Barat dengan konteks lokal. Penulis menyoroti peranan seni Indonesia khususnya dalam era orde baru dan reformasi sebagai wadah ekspresi politik dan sosial. Integrasi konteks ini memperkukuh keaslian analisis dan menghindarkan teks daripada bersifat eurosentrik. Bab 1 ini bukan sekadar bersifat deskriptif, tetapi memperlihatkan kesedaran kritikal terhadap peranan seni dalam masyarakat. Penulis menegaskan bahawa seni tidak hanya mencerminkan realiti sosial, tetapi turut membentuknya melalui wacana, simbol dan representasi ideologi. Dalam pandangan sosiologi seni, karya seni menjadi medan interaksi antara individu, institusi dan kekuasaan. Pemikiran Bourdieu ini sejalan dengan Gramsci tentang hegemoni budaya dan diperkuat dengan pandangan Adorno yang menyatakan bahawa seni sejati harus menggugat tatanan sosial yang menindas. Dalam konteks feminisme, penulis menyoroti marginalisasi wanita dalam dunia seni sebagai sebuah isu yang masih relevan hingga kini. Ini menunjukkan bahawa seni tidak bersifat neutral malah sarat dengan representasi politik. Penulis juga berjaya memperluaskan wacana ke ruang lingkup kontemporari seperti seni digital dan globalisasi. Isu-isu ini membuka ruang baharu dalam memahami sosiologi seni sebagai disiplin yang dinamik dan adaptif terhadap perubahan teknologi serta pola konsumsi budaya.

Bab Dua telah membina kesinambungan daripada bab sebelumnya dengan menempatkan seni bukan hanya sebagai entiti estetika, tetapi sebagai fenomena sosial yang mencerminkan, membentuk dan mengubah masyarakat. Penulis dengan jelas menegaskan bahawa seni berfungsi secara dialektik iaitu sebagai refleksi sosial dan agen transformasi budaya. Bab ini memperlihatkan usaha akademik untuk menghubungkan teori sosiologi dengan peranan praktikal seni dalam konteks masyarakat tradisional dan moden, termasuk dalam realiti sosiopolitik Indonesia. Perbincangan Bab 2 dikupas dengan memperlihatkan kejituan yang kukuh antara idea, kerangka teori dan hujah yang dikemukakan. Setiap bahagian saling melengkapi dalam memperkukuh tesis utama di mana kesenian diangkat sebagai wahana sosial yang mempamerkan refleksi nilai, ideologi, dan konflik yang tersemat dalam struktur masyarakat. Penulis memanfaatkan pendekatan teoretis yang pelbagai bermula daripada teori refleksi Marxis hingga perspektif kritis pasca moden untuk menghuraikan bagaimana karya seni mencerminkan realiti kelas, gender dan kekuasaan. Sebagai contoh, penjelasan tentang kesenian sebagai cerminan masyarakat menzahirkan kesedaran tentang peranan struktur sosial dalam membentuk estetika dan makna sesuatu karya. Kesinambungan idea turut terserlah pada bahagian yang membincangkan kesenian sebagai agen perubahan sosial.

Penulis juga mengaitkan teori Gramsci tentang hegemoni budaya dengan contoh empirikal kesenian yang digunakan untuk menyuarakan ketidakadilan. Selain itu, bab ini juga memperlihatkan ketelitian konseptual yang tinggi. Penulis menampilkan pemahaman luas terhadap teori-teori utama dalam sosiologi seni dan teori budaya, termasuk Marx, Adorno, Bourdieu, Williams dan Habermas. Kekuatan utama bab ini ialah kemampuannya menghubungkan seni dengan realiti sosiopolitik Indonesia, menjadikan hujah tidak bersifat abstrak. Penulis menyoroti bagaimana seni rakyat menjadi saluran penyampaian aspirasi masyarakat terhadap ketidakadilan, dan bagaimana seniman berperanan sebagai intelektual organik yang mencabar status quo. Bahagian analisis kritikal bab ini memaparkan kefahaman mendalam terhadap konsep seni sebagai ruang wacana dan perjuangan ideologi. Penulis mengangkat gagasan bahawa seni bukan sekadar cerminan sosial yang pasif, tetapi juga alat perubahan dan kesedaran kolektif.

Pendekatan ini selaras dengan pandangan Gramsci tentang peranan intelektual organik serta teori budaya Raymond Williams yang melihat seni sebagai sebahagian daripada struktur perasaan masyarakat. Seni digambarkan sebagai medium yang memungkinkan masyarakat mempersoalkan nilai dominan dan membuka ruang untuk wacana alternatif. Selain itu, bab ini juga menyentuh peranan teknologi dan media massa sebagai faktor yang mengubah pola produksi dan konsumsi seni, membuka ruang penting bagi interpretasi sosiologis tentang seni digital dan kapitalisme global.

Manakala, di dalam Bab Tiga pula, pengarang menampilkan analisis mendalam mengenai fungsi seni sebagai representasi sosial, ekspresi identiti budaya, dan refleksi terhadap struktur kelas dalam masyarakat. Bab ini memperlihatkan kesedaran teoretikal yang memadai melalui rujukan kepada Stuart Hall (1997) dan Pierre Bourdieu (1984). Hall digunakan untuk menjelaskan fungsi media dan seni dalam pembentukan identiti sosial, manakala Bourdieu menjadi rujukan untuk memahami hubungan antara seni dan kelas sosial melalui konsep kebiasaan dan modal budaya. Penggunaan teori ini menandakan pemahaman asas terhadap sosiologi seni dan budaya. Penulis berjaya menegaskan bahawa seni memiliki dua fungsi utama sebagai refleksi sosial dan sebagai agen perubahan. Analisis wacana tentang karya seperti *Guernica* karya Pablo Picasso dan mural Diego Rivera dibahaskan dengan baik sebagai contoh penegasan tentang peranan seni sebagai bentuk perlawanan terhadap kekerasan, ketidakadilan dan ketimpangan kelas. Bahagian ini menunjukkan keselarasan antara teori dan amalan seni. Dari segi ketajaman sosiologis pula, bab ini memperlihatkan kesedaran terhadap isu-isu penting seperti marginalisasi, ketimpangan sosial dan perjuangan kelas. Namun, contoh-contoh yang diberikan seperti Picasso dan Rivera menunjukkan wacana ini masih terikat pada konteks global dari Eropah dan Amerika Latin. Bab ini menutup perbincangan dengan kesimpulan yang menekankan seni sebagai instrumen refleksi dalam perubahan sosial. Walaupun kesimpulan tersebut padat dan sintetik, ia kurang menghubungkan tiga dimensi utama iaitu representasi sosial, identiti budaya, dan kelas sosial ke dalam satu kerangka konseptual secara menyeluruh.

Bab Empat menyoroti kedudukan seniman sebagai agen sosial, moral, dan budaya yang berperanan dalam membentuk kesedaran masyarakat untuk mempengaruhi perubahan sosial. Bab ini memperlihatkan kekuatan dari segi naratif konseptual dan contoh empirik yang beragam daripada aktivisme seni Barat hingga konteks seni komuniti global. Bab ini menunjukkan kesedaran terhadap sosiologi seni melalui penekanan bahawa seni ialah cermin dan agen perubahan sosial. Bahagian "Seniman sebagai Agen Perubahan Sosial" menjadi inti utama bab ini, menegaskan bahawa seniman berpotensi sebagai penggerak perubahan. Penggunaan contoh relevan dari tokoh kontemporari seperti Banksy dan Ai Weiwei menunjukkan kekuatan empirikal dan relevansi global yang kukuh.

Bahagian "Tanggungjawab Sosial dan Etika Seniman" pula menyajikan gagasan penting tentang fungsi moral seni dalam memperjuangkan kemanusiaan. Dari segi nilai, bahagian ini kuat kerana menekankan aspek kebebasan berekspresi, pendidikan sosial dan sensitiviti budaya. Namun, pendekatannya kekal bersifat normatif. Bahagian "Hubungan Seniman dan Komunitas" merupakan salah satu kekuatan utama bab ini kerana berjaya mengangkat dimensi seni berasaskan komuniti (community-based art) sebagai ruang kolaborasi. Contoh seperti Chicago Mural Project dan projek penyertaan UNESCO (2020) jelas menunjukkan kesan sosial seni yang positif.

Seterusnya, dalam Bab Lima pula menyajikan perbincangan yang relevan dengan membincangkan transformasi seni dalam ekosistem media sosial sebagai fenomena budaya yang kompleks. Penulis menyorot fungsi media sosial sebagai platform interaksi langsung antara

seniman dan masyarakat, serta sebagai ruang promosi, kolaborasi dan ekspresi bebas. Pendekatan ini memperlihatkan kesadaran terhadap peralihan paradigma seni dari ruang institusi ke ruang digital yang lebih terbuka. Bab Transformasi Digital dalam Kesenian: Isu Identiti, Kuasa, dan Paradoks Kritikal telah dikupas dengan cemerlang dari aspek dimensi "transformasi seni" dalam era digital. Ia menggariskan bagaimana teknologi telah meluaskan horizon kreatif seniman, mengubah seni daripada bentuk linear kepada interaktif dan kolaboratif yang dibuktikan melalui fenomena seperti *digital performance*, seni NFT, dan pameran maya. Dalam ekosistem media sosial, seniman tidak hanya berfungsi sebagai pencipta, tetapi juga sebagai pengurus imej, pengelola digital dan pemasaran diri. Konsep *self-branding* (Hearn, 2008) dan *performative identity* (Goffman, 1959; Butler, 1990) sepatutnya menjadi kerangka analisis utama untuk menilai bagaimana media sosial menstrukturkan identiti kreatif. Fenomena "art influencer" di platform seperti Instagram dan TikTok memperlihatkan bahawa nilai karya seni kini didasarkan bukan hanya pada kandungan intrinsiknya, tetapi juga pada estetika citra dan pengaruh sosial penciptanya, lantas menimbulkan persoalan tentang sejauh mana autonomi seni masih wujud apabila pencapaian artistik diukur melalui populariti digital. Selain itu, walaupun bab ini menegaskan potensi media sosial sebagai ruang inklusif dan demokratik untuk kolaborasi rentas budaya, akses, dan solidariti komuniti kreatif, perbincangan ini menjadi lebih kukuh sekiranya diimbangi dengan sorotan terhadap asimetri kuasa dalam ekologi digital. Media sosial beroperasi di bawah logik platform kapitalisme, dan wacana "kebebasan" perlu diimbangi dengan kritikan terhadap *surveillance capitalism* (Zuboff, 2019), di mana seniman dan pengguna menjadi sumber data dan tenaga ekonomi digital, bukannya sekadar penerima manfaat.

Bab 6 iaitu bab terakhir, bertajuk 'Seni dan Globalisasi' mengupas hubungan antara fenomena globalisasi dengan dunia seni dalam konteks sosial, ekonomi dan budaya. Penulis menempatkan seni bukan sekadar hasil ekspresi estetik, tetapi sebagai medan interaksi kompleks antara lokal dan global, antara tradisi dan moden. Bab ini memperlihatkan bagaimana globalisasi mengubah landskap seni melalui produksi, distribusi, pendidikan dan representasi budaya, sekali gus mencabar identiti seni tempatan di tengah arus homogenisasi global. Bab ini juga secara komprehensif menghuraikan impak mendalam globalisasi terhadap ekosistem seni kontemporari, merangkumi aspek produksi, pertukaran, dan identiti budaya. Secara teori, penulis secara efektif menggunakan kerangka teori 'scapes' oleh Appadurai (1996) untuk menegaskan bahawa interaksi rentas budaya telah mendefinisikan semula cara seni dihasilkan dan dihargai, sekali gus memperluas ruang kreatif seniman. Ini terbukti melalui integrasi contoh empirikal seperti Eko Nugroho dan I Nyoman Masriadi yang karyanya menunjukkan pertembungan estetik Barat dan Timur, lantas menghasilkan bentuk seni hibrid; namun, perbincangan ini turut membincangkan risiko homogenisasi budaya dan dominasi pasaran seni global oleh estetika Barat. Melanjutkan perbincangan, sub-bab mengenai Pertukaran Budaya dan Etika Seni Global memperluas fokus kepada isu peruntukan budaya, menekankan kepentingan etika dalam pertukaran seni bagi mengelakkan eksploitasi terhadap seni tradisional, dengan merujuk kepada sarjana seperti Smith (2020) dan Chijioke (2017). Di sini, teknologi digital dan festival seni antarabangsa (seperti Art Basel dan Venice Biennale) dilihat sebagai platform penting untuk memupuk dialog rentas budaya yang beretika, meskipun terdapat risiko kehilangan konteks asal sesuatu karya. Penulis seterusnya menolak dikotomi tradisional antara Seni Lokal dan Seni Global dengan menunjukkan bahawa seni kontemporari beroperasi dalam ruang interaksi yang saling memperkaya, di mana penggabungan elemen tempatan seperti batik atau wayang kulit ke dalam seni instalasi menjadi bukti adaptasi kreatif tanpa menghilangkan akar budaya; namun, perdebatan etika mengenai

komodifikasi dan eksotisme seni lokal dalam pasaran global kekal menjadi isu. Akhir sekali, perbincangan tentang globalisasi dan identiti budaya mengupas impak terhadap identiti melalui konsep 'pembuatan tradisi' (Hobsbawm dan Ranger, 1983), memperlihatkan bahawa globalisasi boleh menjadi wahana pengukuhan semula identiti budaya, seperti kolaborasi gamelan dan jaz. Secara keseluruhannya, bab ini menonjol melalui penggunaan teori yang relevan, serta integrasi contoh empirikal dari konteks seni Asia Tenggara, sekali gus menampilkan keseimbangan kritikal antara idealisme estetika dan realiti ekonomi seni global.

Berdasarkan analisis menyeluruh, dapat disimpulkan bahawa kandungan buku ini memberikan sumbangan yang signifikan dan bernilai tinggi kepada wacana sosiologi seni. Secara fundamental, naratif akademik yang dibina berjaya memperkenalkan sosiologi seni sebagai sebuah disiplin yang melangkaui dimensi estetika semata-mata, sebaliknya menelusuri secara mendalam fungsi sosial, ideologi, dan dinamik kuasa yang mendasari penciptaan, penerimaan, dan penginstitutionan seni. Kekuatan utama buku ini terletak pada kemampuannya mengekalkan keseimbangan kritikal antara kerangka teori Barat yang mapan dengan konteks sosial dan budaya lokal. Pendekatan ini bukan sahaja menjadikan perbincangan konseptual menjadi kaya, tetapi juga relevan dan bernilai ilmiah yang tinggi. Wacana yang dibangunkan secara konsisten memperlihatkan kesedaran kritikal tentang hubungan timbal balik antara seni dan masyarakat, menonjolkan seni bukan sekadar sebagai refleksi pasif terhadap realiti sosial, tetapi sebagai agen perubahan yang aktif dan progresif. Huraian mengenai fungsi sosial seni dan peranan seniman dalam masyarakat diperkukuh dengan penyampaian yang jelas, kohesi hujah yang kukuh, serta penekanan nilai-nilai kemanusiaan (humanistik) yang bersifat reflektif dalam seni. Selain itu, buku ini menunjukkan kematangan dalam menyentuh isu-isu kontemporari yang penting, terutamanya impak media sosial terhadap ekosistem seni, seniman, dan masyarakat. Perbincangan mengenai ketegangan antara lokaliti dan globalisasi dalam seni pula merupakan sumbangan yang berimpak, berjaya menggambarkan keupayaan seni sebagai alat rundingan identiti dan agen rintangan serta transformasi budaya dalam era global.

Prof. Madya Dr. Lena Farida binti Hussain Chin
Jabatan Seni Persembahan
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
lena.farida@fmsp.upsi.edu.my

Puan Nadhilah binti Suhaimi
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
nadhilah.suhaimi@moe.gov.my